

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)****SOALAN NO. 461**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah bilangan pengangguran di negara kita dan setiap negeri, apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan dan apakah sasaran jangka pendek dan jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan dan kadar pengangguran terkini mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Pengangguran	
	Bilangan ('000)	Kadar (%)
Johor	57.0	3.4
Kedah	26.4	2.8
Kelantan	24.8	3.6
Melaka	4.0	1.0
Negeri Sembilan	13.9	2.8
Pahang	20.7	2.9
Pulau Pinang	17.3	2.1
Perak	39.0	3.7
Perlis	3.5	3.5
Selangor	98.1	2.8
Terengganu	20.5	4.5

Sabah	107.5	5.6
Sarawak	38.9	3.0
WP Kuala Lumpur	27.0	3.1
WP Labuan	3.60	8.5
Negeri	Pengangguran	
	Bilangan ('000)	Kadar (%)
WP Putrajaya	0.60	1.5
Jumlah	502.6	3.4

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, 2017

2. Bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha berikut:-

(i) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan JobsMalaysia yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Di bawah RMKe-11, menaik taraf sistem portal pekerjaan JobsMalaysia merupakan salah satu projek pembangunan Kementerian Sumber Manusia;

(ii) Menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari – Disember 2018, Program Penempatan Pekerjaan telah berjaya menempatkan seramai 168,677 orang pencari kerja;

(iii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti JobsMalaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan; dan

SOALAN NO: 461

(iv) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri seperti Skim Protege yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan.

3. Kesimpulannya, Kerajaan yakin semua langkah yang telah dilaksanakan dapat membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mencapai sasaran mengekalkan kadar pengangguran pada tahap guna tenaga penuh (*full employment*) di bawah 4.0%.